

# Sukan Erat Silaturahmi AJ 21203 Sejarah

oleh: **Morris Jawan & Catherine Chamera Renang**

AHAD, 9 Mac -Kursus Sejarah dari Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi berjaya menganjurkan aktiviti sukan di Pusat Sukan, UMS, di sini semalam.

Aktiviti yang melibatkan pelajar dari tahun 1,2 dan 3 ini dianjurkan setiap tahun oleh pelajar tahun 1 bagi merapatkan hubungan silaturahmi antara semua pelajar yang mengambil program sejarah.

Sukan yang dianjurkan ini termasuklah sukan bola jaring bagi kategori perempuan dan futsal bagi kategori lelaki. Selain itu, sukan bola tampar

pula melibatkan campuran lelaki dan perempuan.

Pasukan Predator (tahun 3) telah menjuarai sukan futsal manakala tempat kedua dimenangi pasukan Unknown (tahun 2), dan ketiga dimenangi Aching (tahun 1).

Bagi bola jaring pula, pelajar tahun 2 telah dinobatkan sebagai juara diikuti pelajar tahun 1 naib juara dan pelajar tahun 3 untuk tempat ketiga.

Program yang diketuai pengarahnya, Syamsul Maarif bin Suardi menyatakan bahawa sukan ini berlandaskan objektif untuk merapatkan silaturahmi

semata-mata dan bukannya untuk mencungkil bakat-bakat dalam sukan.

“Program ini secara objektifnya adalah untuk merapatkan hubungan antara kami pelajar dalam kursus Sejarah. Bakat tidak dipentingkan dalam program ini. yang penting semua pelajar sejarah mengambil bahagian,” kata beliau ketika ditemuramah.

Program yang berlangsung selama sehari ini juga melibatkan para pensyarah, En. Eko Prayitno Joko.